

# Untuk tinggikan lagi mutu Persisi akan kawal guru2 dan badan2 yg ingin giat dlm silat

**P**ERSEKUTUAN Seni Silat Singapura (Persisi) sedang berusaha untuk meninggikan lagi mutu silat sebagai cabang sukan di Singapura dengan mengawal guru-guru dan juga pertubuhan-pertubuhan yang ingin mengadakan silat sebagai salah satu dari kegiatan mereka.

Ia juga telahpun menghubungi Persatuan Rakyat supaya menghubunginya sekiranya ada balai-balai rakyat yang ingin membuka kelas-kelas seni silatnya.

Di samping itu, Persisi juga akan meminta kepada Lembaga Penggalak Pelancungan (STPB) dan hotel-hotel tempatan supaya berhubung dengannya sekiranya mereka ingin mengadakan pertunjukan seni silat sebagai salah satu daya penarik untuk pelancung.

## Langkah

Keputusan ini telah dibuat dalam mesyuarat Persisi yang berlangsung baru-baru ini dan langkah ini diambil adalah sebagai usaha menjaga imej dan taraf seni silat di Republik ini.

Adalah difahamkan bahawa langkah untuk mengawal guru-guru ini ialah bagi memastikan bahawa guru-guru itu mengajar di sebuah tem-

pat dan tidak berpindah dari satu tempat atau pertubuhan dalam masa yang singkat.

"Jika seseorang guru silat itu sering bertukar tempat dan pertubuhan, ini akan merosakkan taraf pengajaran dan dengan ini mutu seni yang diajar olehnya tidak akan mencapai taraf yang tinggi.

"Ini adalah kerana guru itu mengajar untuk separuh jalan dan tugas ini akan diambil oleh guru yang lain pula.

"Dan bagi murid-muridnya pula mereka tidak akan mendapat faedah pengajaran yang besar keana pertukaran ini akan menjejaskan penerimaan pelajaran mereka," kata seorang pegawai Persisi.

Selain dari itu, Persisi juga telah menghantar surat kepada Persatuan Rakyat meminta mereka

agar berhubung dengannya sekiranya ada balai-balai rakyat yang ingin membuka kelas-kelas seni silat mereka.

Ini adalah difahamkan bagi memastikan bahawa balai-balai rakyat yang berkenaan akan mendapat guru yang bertauliah dan bukan saja boleh mengajar tetapi juga mentadbirkan kelas bimbingannya.

"Ini adalah untuk memastikan bahawa kelas itu dapat dijalankan dengan baik dan teratur. Guru yang mengajar pula perlulah lulus darjah perguruannya pula," pegawai itu menerangkan lagi.

Mengenal pertunjukan di hotel-hotel untuk para pelancung dan daya penarik, dia menjelaskan bahawa Persisi akan memastikan bahawa pertunjukan silat yang dijalankan itu benar-benar mempunyai mutu dan bukan dipersembahkan berdasarkan "asal ada saja".

Sebelum ini, persembahan - persembahan silat yang dijalankan untuk hiburan para pelancung adalah diusahakan oleh badan-badan setempat dan tidak ada badan yang mengawal mutu persembahan yang dibuat.

"Dengan adanya kawalan ini, mutu persembahan yang dibuat dapat ditinggikan dan persembahan yang dibuat bukan merupakan tangkap muat saja," tambah pegawai itu lagi.

## Kelas2 bimbingan ilmu hisab, B-Inggeris

✓ PERSA. TUAN Islam dan Pencaksilat Singapura (Perpensi) akan mengadakan kelas-kelas bimbingan pada tiap Sabtu, mulai 14 Oktober ini.

Kelas-kelas itu ialah kelas bimbingan ilmu hisab untuk penuntut-penuntut menengah tiga dan empat yang akan dijalankan dari 3.00 - 4.30 petang.

Kelas bahasa Inggeris akan dijalankan untuk penuntut darjah tiga dan empat dari 12 tengahari hingga 1.30 petang dan kelas tajwid (wanita) untuk permulaan akan dijalankan dari 4.00 - 5.30 petang.

Bayaran mengikuti kelas ini ialah \$2.00 tiap seorang dan permohonan boleh dibuat di pejabat Perpensi di 9, Ipoh Lane, Singapura 15.